



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
(Pindaan) Lembaga Bandaran 1971
DR.41/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Enakmen Lembaga Bandaran Negeri² Melayu Bersekutu sa-takat mana ia-nya di-pakai bagi Perbandaran Ibu Kota, Kuala Lumpur.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Pindaan) Lembaga Bandaran, 1971.

Nama dan Pemakaian.

(2) Akta ini hendak-lah di-pakai hanya bagi perbandaran Ibu Kota, Kuala Lumpur.

2. Sekshen 59 Enakmen Lembaga Bandaran Negeri² Melayu Bersekutu ada-lah dengan ini di-pinda dengan menambah sekshen-kecil baharu yang berikut—

Pindaan.
N.M.B.
Bab 137.

“(vi) Without limiting the scope of anything hereinbefore contained and for the purposes of this section only the expression ‘building’ shall include (a) a self-contained flat in a building erected with the approval of the Board or (b) any whole floor in a building with separate means of access or (c) floor space of not less than two thousand square feet on the same floor of a building which may be let as an office, shop, factory, or godown or other similar use.”.

3. Ordinan No. 70 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Peman-
sokhan.
P.U. (A)
40/71.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan sa-mula peruntokan² Ordinan No. 70 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ka-dalam suatu undang² yang kekal.

2. Maksud Rang Undang² ini ia-lah untuk merengankan kuatkuasa peruntokan sekshen 59 Enakmen Lembaga Bandaran (Bab 137 N.M.B.) di-Ibu Kota, Kuala Lumpur yang sedia ada sa-belum Ordinan tersebut mula berkuatkuasa. Untuk melayakkan sa-suatu bangunan memohon penanggohan pembayaran sa-suatu kadar, menurut budibichara, sekshen 59 itu menghendaki, *antara lain*, bahawa *kesemua bahagian bangunan itu* hendak-lah jangan di-dudoki sa-lama tempoh sa-tengah tahun dan tiada apa² sewa kena di-bayar mengenai-nya dan untuk melayakkan sa-suatu bangunan memohon sa-suatu kadar atau sa-bahagian dari sa-suatu kadar di-pulangkan balek atau di-remitkan, menurut budibichara, sekshen itu menghendaki, *antara lain*, bahawa *kesemua bahagian bangunan itu* hendak-lah jangan di-dudoki dan tiada apa² sewa kena di-bayar mengenai-nya bagi sa-suatu tempoh tidak kurang daripada satu bulan kalendar dalam mana² sa-tengah tahun. Tetapi sekarang ini ada banyak bangunan berbagai tingkat atau bangunan² besar di-Ibu Kota, Kuala Lumpur dan ada kemungkinan-nya bangunan² saperti itu akan terus di-dirikan. Sa-suatu bangunan itu tidak berkelayakan mendapat faedah di-bawah sekshen 59 melainkan kesemua bahagian bangunan itu tidak di-dudoki dan tiada apa² sewa kena di-bayar mengenai-nya, tertaklok, walau bagaimana pun, kapada kehendak² lain sekshen 59 itu. Oleh yang demikian Fasal 2 Rang Undang² itu ada-lah bertujuan untuk membetulkan hal keadaan yang demikian dengan meminda sekshen 59 Enakmen Lembaga Bandaran dengan menambah suatu sekshen-kecil (vi) yang baharu yang memperluaskan erti perbahasaannya "bangunan" bagi maksud sekshen 59 supaya termasuk sa-suatu "flat" dalam sa-suatu bangunan yang di-dirikan dengan kelulusan atau kesemua bahagian sa-suatu tingkat yang mempunyai jalan masuk-keluar yang berasingan atau sa-suatu ruangan lantai sa-luas tidak lebeh daripada 2,000 kaki persegi pada lantai itu juga, yang di-sewakan untuk di-gunakan sa-bagai pejabat, kedai, kilang, atau gudang atau lain² kegunaan yang sa-umpama-nya.

Dengan demikian itu Fasal 2 membolehkan sa-saorang di-kenakan membayar kadar atas bangunan berbagai tingkat atau melayakkan sa-suatu bangunan besar memohon faedah, menurut budibichara, di-bawah sekshen 59 mengenai mana² bahagian daripada-nya yang termasuk dalam erti sekshen-kecil (vi) yang baharu dan, dengan chara lain, memenohi kehendak sekshen 59. [P.N. (U²) 157.]

(a) a self-contained flat in a building erected with the approval of the Board or (b) any whole floor in a building with separate means of access or (c) a floor space of not less than two thousand square feet on the same floor of a building which may be let as an office, shop, factory, or godown or other similar use.

3. Ordinan No. 70 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ada-lah dengan ini di-mansokkan.